

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 17 DISEMBER 2013 (SELASA)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Hujan lebat di tiga negeri esok	Sinar Harian
2	Waspada gelombang kedua	Harian Metro
3	Second wave of floods likely to be more severe	New Straits Times
4	MKN sedia hadapi gelombang kedua	Sinar Harian
5	TPM Biotech promotes halal efforts	The Malay Mail
6	TPM labur RM6j naik taraf makmal halal bertaraf antarabangsa	Kosmo
7	Galak usahawan terokai industry halal	Sinar Harian
8	TPM jangka segmen bioteknologi kukuh	Harian Metro
9	Technology Park Malaysia labur RM6 juta naik taraf makmal	Berita Harian
10	SSMI kesan 2 calon ada rekod jenayah	Berita Harian

Hujan lebat di tiga negeri esok

KUALA LUMPUR

Penduduk di Terengganu, Pahang dan Johor dinasihatkan bersiap sedia menghadapi episod ketiga hujan lebat yang dijangka bermula Rabu hingga Jumaat ini.

Pengarah Pusat Cuaca Nasional, Jabatan Meteorologi Malaysia Muhammad Helmi Abdullah berkata, ia dijangka disertai air pasang besar dan tiupan angin kencang di Laut China Selatan.

Beliau mengulas lanjut mengenai kenyataan media jabatan itu yang menyatakan hujan lebat itu boleh mencetuskan banjir di kawasan berkedudukan rendah.

Antara kawasan yang terlibat di Terengganu ialah Dungun dan Kemaman, di Pahang (Kuantan, Pekan dan Rompin), manakala di Johor (Segamat dan Mersing).



Berhubung kejadian banjir di tiga negeri itu termasuk Kelantan baru-baru ini, Muhammad Helmi berkata antara faktornya adalah curahan hujan yang tinggi dalam tempoh singkat.

Katanya bacaan jumlah hujan di Kuantan adalah antara tertinggi pernah direkodkan iaitu lebih 300 milimeter sehari, pada 2 Disember lalu.

"Bagaimanapun, sukar untuk kita mengaitkan episod hujan lebat ini dengan perubahan iklim. Tetapi para saintis mengakui ia disebabkan pertambahan kejadian cuaca ekstrem," kata Muhammad Helmi.
- Bernama

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 17
TARIKH : 17 DISEMBER 2013 (SELASA)

■ Penduduk di kawasan sering dinaiki air diarah siap sedia hadapi air pasang besar luar biasa

Oleh Ahmad Rabiul Zulkiffli
am@mediaprime.com.my
Kuala Terengganu

Orang ramai terutama penduduk di kawasan sering dinaiki air dan persisiran sungai serta pantai diminta bersiap sedia dengan kemungkinan berlaku gelombang kedua air pasang besar luar biasa.

Timbalan Pengarah Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) negeri Mejah (PA) Mohd Zubir Mohd Juzad berkata, keadaan itu dijangka berlaku akibat air pasang besar luar biasa lebih hebat berbanding sebelum ini.

"Sebelum ini air pasang besar antara 2.5 hingga 2.6 meter saja tetapi dijangka fenomena air pasang besar antara 16 hingga 21 Disember ini dijangka mencecah 2.6 hingga 2.8 meter.

Malah, Jabatan Meteorologi

Waspada gelombang kedua



ANGGOTA JPAM Kuala Terengganu bersiap sedia bagi menghadapi banjir gelombang kedua.

Malaysia sudah mengeluarkan amaran kuning hujan yang dijangka berlaku di negeri ini pada tarikh jangkaan amaran gelombang kedua.

"Kami berharap orang ramai dapat bersiap sedia dan memberi kerjasama kepada JPAM sekiranya berlaku banjir gelombang kedua di negeri ini," katanya ketika ditemui Harian Metro di pejabatnya,

di sini, semalam.

Zubir berkata, tiada penambahan jumlah anggota untuk menghadapi gelombang kedua dan masih kekal sama iaitu antara 250 hingga 300 anggota yang bersiap sedia dikerahkan dalam tempoh tiga jam pertama apabila berlaku banjir manakala selebihnya seramai 1,500 anggota akan dikerahkan secara

berperingkat mengikut keperluan sebagai skuad bantuan.

"Sekiranya kemudahan logistik seperti bot dan kendaraan berat sedia ada tidak mencukupi, kami akan meminta bantuan daripada JPAM di kawasan Pantai Barat.

"Ketika berlaku banjir gelombang pertama di Kema-



ZUBIR

man baru-baru ini, JPAM Perak dan Pulau Pinang memberi bantuan tiga kendaraan berat berserta bot dan enjin untuk memudahkan operasi menyelamat kepada mangsa banjir.

"JPAM negeri juga terbabit dengan bantuan pasca banjir dengan seramai 100 anggota ditugaskan ke Kemaman menghulurkan bantuan seperti membersihkan tempat berkepentingan awam antaranya masjid, sekolah

dan dewan sebelum membantu membersihkan rumah penduduk," katanya.

Menurutnya, pada 7 Disember lalu, JPAM negeri turut serta menghantar bantuan orang ramai dari Kuala Terengganu kepada mangsa banjir di Kemaman dan sebanyak enam kenderaan berat sarat dengan muatan bantuan pakaian, makanan dan lampin pakai buang diaghikkan kepada mangsa banjir di Pusat Pemindahan Sekolah Kebangsaan Bukit Mentok, Pusat Pemindahan Hospital Kemaman, Kampong Pasir Gajah dan Seberang Tayor.

Orang ramai yang menghadapi kesulitan dan kes keserasan ketika musim banjir boleh menghubungi PIKOD di setiap daerah di talian 09-6672991 (Kuala Terengganu), 09-8595233 (Kemaman), 09-6182557 (Marang), 09-6977846 (Besut), 09-8422031 (Dungun), 09-6921663 (Kuala Berang), 09-6921663 (Setiu).

FAKTA
Air pasang dijangka cecah 2.8 meter

'Second wave of floods likely to be more severe'

KUALA LUMPUR: The second wave of floods predicted to hit the east coast tomorrow will likely hit more areas.

The Meteorological Department, however, said more areas would be affected because of the combined factors of high tides, strong winds and heavy rains.

Its central forecast division director, Muhammad Helmi Abdullah, said the effects were likely to be "severe".

"The heavy rains, predicted to begin from Wednesday to Sunday, will coincide with the presence of the full moon.

"This will result in unusually high tides that may cause flooding.

"With the presence of strong winds, the situation could worsen."

He said intermittent rain was expected and this might cause floods in low-lying areas.

On Monday, the department issued a yellow alert (heavy rain) for

Terengganu (Dungun and Kemaman), Pahang (Kuantan, Pekan and Rompin) and Johor (Segamat and Mersing).

He said more areas could be affected this time.


"Although three states are expected to be hit, there is a high chance that other areas will be affected, too, because of the tidal surge and strong winds."

Helmi urged the public to be alert and keep abreast with the latest developments through the department's website and Facebook page.

National Security Council secretary Datuk Thajudeen Abdul Wahab said the council was prepared for the second

wave.

"All personnel from various agencies are on standby. As soon as the water level rises, we will initiate evacuation. To ensure sufficient food supply, the Social Welfare De-



Meteorological Department central forecast division director **Muhammad Helmi Abdullah** says more areas could be affected this time

partment has replenished its stocks, including basic necessities, at its depot and forward bases."

He said evacuation centres that were previously inundated would not be used.

**KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (BENCANA BANJIR) : MUKA SURAT 11
TARIKH: 17 DISEMBER 2013 (SELASA)**

MKN sedia hadapi gelombang kedua

KUALA LUMPUR - Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah bersiap siaga sepenuhnya dalam menghadapi gelombang kedua banjir yang dijangka berlaku esok.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim berkata, persiapan itu lebih baik berbanding ketika menghadapi gelombang pertama dengan semua jentera dari agensi terbabit telah digerakkan.

"Contohnya, lebih banyak lori dan bot disediakan. Bantuan juga akan dihantar dengan lebih kerap setiap hari ke pusat pemindahan dikawal selia pe-

gawai dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Jika ada kekurangan, sila maklumkan segera kepada pegawai daerah, ketua kampung, mana-mana pegawai kerajaan selain pihak berkuasa seperti polis, tentera, bomba dan Jabatan Pertahanan Awam.

"Jangan buat perkara yang melembabkan proses penghantaran bantuan. Mangsa banjir mesti dibela," katanya selepas menghadiri mesyuarat dan taklimat khas MKN di Parlimen, semalam.

Shahidan berkata, pusat pemindahan yang lebih baik juga dikenal pasti

bagi menempatkan mangsa banjir; berbanding yang dipilih sebelum ini berikut-an aduan terdapat pusat pemindahan yang tidak selesa dan strategik.

Katanya, Jabatan Meteorologi meramalkan gelombang kedua banjir berpunca dari hujan lebat berterusan dan fenomena air pasang yang sekali gus menyebabkan banjir serta amaran hujan lebat dikeluarkan sebelum ini.

Menurutnya, kawasan yang dijangkakan akan terlibat gelombang kedua ialah Kemaman, Dungun di Terengganu dan Kuantan, Pekan, Rompin, Maran dan Temerloh di Pahang. - Bernama

TPM Biotech promotes halal efforts



BIOHALAL: Nasarudin (left) explains TPM Biotech's efforts to Mohamad Nordin (second from left). Looking on are TPM CEO Datuk Mohd Azman Shahidin and TPM Biotech CEO Ahmad Husni Johari (right)

TPM Biotech promotes halal efforts

By MIOR AZHAR
business@mmail.com.my

TPM Biotech Sdn Bhd (TPMB), established in 2006 as a fully owned subsidiary of Technology Park Malaysia (TPM) Corporation Sdn Bhd, hopes more local companies will come forward to utilise its services in order to meet the halal global demand.

The company invested about RM6 million this year to set up a Halal Science Laboratory. The lab is equipped with technologies for the testing and analysis of halal issues in tandem with international benchmark.

TPM chairman Datuk Nasarudin Hashim said with the latest technology, TPM is confident to effectively and efficiently help

existing and potential clients to meet the stringent international standards in halal requirements in food production.

Nasarudin was speaking after the opening of BioHalal Malaysia 2013 seminar organised by TPMB in Bukit Jalil yesterday. The seminar was officiated by JAKIM deputy director Mohamad Nordin Ibrahim.

Nasarudin said that this year alone TPMB has assisted about 110 companies, including those from overseas like Brunei, France, Algeria and the United States.

"We are hoping that about 70 more entrepreneurs and biopreneurs will utilise our manufacturing and testing facilities in 2014."

Apart from the Science Lab, TPMB also boasts two manufacturing facilities in Pahang and Perlis — both have earned Good Manufacturing Practices (GMP) status, accorded by the Health Ministry's National Pharmaceutical Control Bureau.

"Our manufacturing facilities are also internationally accredited with ISO9001:2008 and IEC 17025 certifications. Both are also halal-approved by Jakim."

Nasarudin said that the two-day seminar is held to further educate and inform the business community on the importance of halal and safety issues needed to be adopted by the biotechnology industry in serving the Muslim community globally.

**KERATAN AKHBAR
KOSMO (NIAGA) : MUKA SURAT 51
TARIKH: 17 DISEMBER 2013 (SELASA)**

TPM labur RM6j naik taraf makmal halal bertaraf antarabangsa



PENOLONG Pengurus TPMBiotech, Nor Amin Mohd. Noor (kiri) memberikan taklimat kepada Nasarudin (dua dari kanan) dan Mohd. Nordin (Kanan) ketika lawatan ke makmal halal TPMBiotech di Kuala Lumpur semalam.

KUALA LUMPUR – Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd. (TPM) menerusi anak syarikatnya, Technology Park Malaysia Biotech (TPMBiotech) bakal menaik taraf makmal halal bertaraf antarabangsa bernilai RM6 juta tahun depan.

Pengerusi TPM, Datuk Nasarudin Hashim berkata, makmal tersebut bakal dilengkapi dengan teknologi-teknologi terbaru bagi pengujian dan analisis isu-isu halal selaras dengan penanda aras antarabangsa.

“Dengan teknologi terbaru ini, kami yakin dapat memberikan perkhidmatan yang lebih

berkesan dan cekap kepada pelanggan baharu dan sedia ada kami untuk menepati piawaian tertinggi antarabangsa dalam syarat-syarat halal bagi pengeluaran makanan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang akbar selepas pelancaran seminar BioHalal Malaysia yang dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Jakim (Dasar), Mohd. Nordin Ibrahim di sini semalam.

Nasarudin menjelaskan, ketika ini sebanyak 600 syarikat dari Brunei, Indonesia, Singapura, Korea, Jepun, Perancis, Amerika Syarikat dan Algeria pernah menggunakan perkhidmatan makmal tersebut.

“Berdasarkan kepakaran yang dimiliki, pihak kami amat berbesar hati untuk bekerjasama dengan Jakim dan menjadi salah satu daripada panel makmal Jakim,” katanya.

Dalam pada itu, Nasarudin memberitahu, TPM berhasrat untuk melahirkan sebanyak 70 syarikat dan usahawan tempatan yang terlibat dalam pasaran halal pada tahun depan.

“Usahawan Malaysia haruslah meneroka pasaran halal dunia yang dianggarkan bernilai lebih RM6.9 trillion setahun dan daripada jumlah ini, makanan halal sahaja bernilai RM2.1 trillion, bersamaan 30.4 peratus,” katanya.

Galak usahawan terokai industri halal

SITI ZUBAIDAH MAT ISA

TPM Biotech Sdn Bhd membelanjakan kira-kira RM6 juta bagi kerja-kerja me-naik taraf Makmal Sains Halal sebagai salah satu usaha mewujudkan lebih ramai usahawan dan syarikat terutama dalam sektor industri halal.

Pengerusi Taman Teknologi Malaysia (TPM), Datuk Nasarudin Hashim berkata, TPM Biotech Sdn Bhd turut menyasarkan mewujudkan sekurang-kurangnya 70 syarikat baharu yang akan menggunakan perkhidmatan Makmal Sains Halal.

"Industri halal mempunyai potensi besar berdasarkan permintaan global terhadap produk dan perkhidmatannya dengan nilai pasaran halal global menccah lebih RM6.9 trillion setahun."

"Daripada jumlah ini, makanan halal sahaja bernilai RM2.1 trillion iaitu kira-kira 30.4 peratus," katanya selepas majlis pelancaran Seminar BioHalal 2013 di Kuala Lumpur, semalam.

Menurutnya, prasarana yang dilengkapi dengan teknologi terkini untuk analisis saintifik atau pengesahan ujian makmal itu, dapat membantu usahawan dalam memberikan perkhidmatan lebih berkesan dan cekap menepati piawaian tertinggi antarabangsa dalam syarat-syarat

FOTO: SHARIFUDIN ABDUL RAHIM



Nasarudin (dua, kanan) selepas merasmikan Seminar BioHalal 2013 di Taman Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur, semalam.

halal bagi pengeluaran makanan.

Selain usahawan dan syarikat tempatan, lapan negara asing yang menggunakan khidmat Makmal Sains Halal antaranya Perancis, Brunei, Korea, Jepun, Algeria dan Indonesia bagi menganalisis produk.

Sejak penubuhan TPM Biotech Sdn Bhd pada 2006, seramai 565 usahawan syarikat tempatan berjaya diwujudkan dan 110 usahawan baharu dilahirkan me-

rangkumi semua industri pada tahun ini.

Seminar BioHalal Malaysia 2013 dihadiri yang seramai 250 peserta adalah platform perbincangan terbaik kepada usahawan baharu dan sedia ada yang terlibat dalam industri halal bagi berkongsi pandangan terhadap industri halal selain membincangkan kepentingan isu-isu halal serta keselamatan perlu diguna pakai oleh sektor bioteknologi.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (BISNES) : MUKA SURAT 42
TARIKH: 17 DISEMBER 2013 (SELASA)

TPM jangka segmen bioteknologi kukuh

Kuala Lumpur: Technology Park Malaysia Corporation Sdn Bhd (TPM) menjangkakan segmen bioteknologi terus kukuh menyumbang kepada perolehan tahanannya yang mencatatkan secara purata RM100 juta setahun.

Ini bersandarkan kepada unjuran kurang sepuluh peratus sumbangan industri itu yang menggunakan kemudahan makmal yang disediakan oleh Technology Park Malaysia.

Pengerusinya, Datuk Nasarudin Hashim berkata, sumbangan peratusan itu dijangka terus meningkat memandangkan baru-baru ini TPM menyuntik RM6 juta bagi menyediakan kemudahan makmal dalam sub-industri bioteknologi, biohalal yang mana dijangka sejumlah 70 syarikat menggunakananya pada tahun depan.

Beliau berkata, makmal lengkap itu yang boleh digunakan bagi menganalisis pelbagai produk bagi mendapat kesahihan halal di dalamnya dan ia juga mendapat permintaan di kalangan syarikat asing seperti dari Algeria, Brunei, Perancis dan Amerika Syarikat.

“Dengan adanya makmal khusus untuk menganalisis halal di negara ini menjadikan Malaysia paling ke hadapan dalam industri halal dunia kerana kita mendapat kepercayaan bukan saja syarikat tempatan untuk menggunakananya malah negara asing yang mana membolehkan mereka meluaskan pasaran ke negara-negara Islam.

“Tambahan, kerjasama TPM dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi membolehkan keputusan analisis itu mendapat pengiktirafan halal dari JAKIM sekiranya produk berkenaan didapati sestatus peratus halal,” katanya pada majlis pelancaran Biohalal Malaysia 2013 di sini, semalam.

Biohalal Malaysia 2013 adalah seminar kali pertama dianjurkan oleh TPM yang membabitkan 250 peserta usahawan baru dan sedia ada dalam industri bioteknologi bagi mempromosikan kekuatan Malaysia dalam isu pembangunan halal.

Nasarudin berkata, dengan teknologi dalam menganalisis produk halal, pihaknya yakin dapat membantu syarikat tempatan yang baru dan sedia ada dengan lebih cekap serta berkesan untuk memenuhi piawaian antarabangsa tertinggi keperluan halal untuk pengeluaran makanan khasnya.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (BISNES): MUKA SURAT B6
TARIKH: 17 DISEMBER 2013 (SELASA)

Technology Park Malaysia labur RM6 juta naik taraf makmal

Technology Park Malaysia Corporation Sdn Bhd (TPM) menyasarkan sekurang-kurangnya 70 syarikat tempatan dan luar negara akan menggunakan Makmal Sains Halal yang dikendalikan anak syarikatnya, TPM Biotech Sdn Bhd pada tahun depan.

Pengerusinya, Datuk Nasarudin Hashim berkata, tahun ini pihaknya telah melabur sebanyak RM6 juta untuk kerja menaik taraf makmal berkenaan.

Katanya, makmal yang dilengkapi teknologi terkini itu berfungsi sebagai pusat untuk melakukan ujian dan analisis isu halal yang menepati penanda aras antarabangsa.

“Menerusi makmal berkenaan, kami yakin ia dapat membantu syarikat baru dan syarikat sedia ada untuk memenuhi piawaian antarabangsa tertinggi dalam keperluan halal terutama dalam sektor pengeluaran makanan.

“Sejak ia ditubuhkan pada 2006, hampir 600 syarikat telah menggunakan perkhidmatan makmal berkenaan termasuk syarikat dari luar negara seperti Brunei, Indonesia, Korea, Perancis, Amerika Syarikat serta Algeria,” katanya pada sidang media selepas merasmikan seminar BioHalal Malaysia 2013 di Kuala Lumpur, semalam.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 13
TARIKH: 17 DISEMBER 2013 (SELASA)

SSMI kesan 2 calon ada rekod jenayah

» *Sistem baru SPA saring pemohon layak dilantik kakitangan awam*

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya

Sistem Semakan Maklumat Individu (SSMI) yang digunakan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) bagi menyaring 2,384 calon sebelum dilantik sebagai penjawat awam, berjaya mengesahkan lebih awal dua daripada mereka mempunyai rekod jenayah.

Saringan julung kali SSMI membabitkan calon yang memohon menyertai sektor awam antara Januari hingga Julai 2013 itu akan

menjadi sebahagian daripada prosedur SPA bagi melantik penjawat awam pada masa depan.

Pengerusi SPA, Tan Sri Mahmood Adam (**gambar**), berkata walaupun sistem berkenaan hanya satu kaedah semakan segera secara tapisan kasar bagi tujuan keselamatan, ia terbukti berkesan bagi mengenal pasti calon yang tidak layak dilantik sebagai kakitangan awam.

Mantap sistem penyampaian
Katanya, ini antara transformasi SPA bagi memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan awam, selaras inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang disarankan kerajaan.

"Calon yang ditapis semasa tempoh percubaan SSMI membabitkan tiga agensi, antaranya Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Insolvensi Malaysia (MDL) dan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Malaysia (CGSO).

"Jika tidak gunakan sistem ini, wujud kemungkinan kita tersilap



lantik calon yang bermasalah dan seterusnya menjelaskan agensi atau jabatan kerajaan di mana dia ditugaskan," katanya, di sini, semalam.

Pelancaran yang disempurnakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Joseph Entulu Belaun, itu menyaksikan lebih 31 agensi kerajaan, termasuk SPA menandatangani memorandum persefahaman (MoU) berhubung pelaksanaan SSMI.

Antaranya, termasuk Jabatan

Perkhidmatan Awam (JPA), Unit Pemodenan Tadbir dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Kementerian Sains dan Inovasi (MOSTI), Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) serta Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP).

Sementara itu, Entulu berkata, pelaksanaan SSMI adalah pencapaian terbaik SPA kerana sebelum ini siasatan terhadap calon hanya dilakukan selepas pelantikan dan mengambil masa lama.

Ambil masa singkat

Katanya, kini dengan adanya sistem berkenaan, siasatan atau semakan terhadap calon dapat dilakukan terlebih dulu sebelum ditugaskan ke mana-mana jabatan atau agensi, malah masa yang diambil juga singkat.

"Sistem ini bukan hasil inisiatif SPA semata-mata, sebaliknya ia adalah perkongsian idea membabitkan pelbagai agensi lain.

"Kalau tiada kerjasama semua agensi terbabit, tidak mungkin ia berjaya dilaksanakan kerana siasatan terpaksa dilakukan secara manual dan saya difahamkan ia mengambil masa kira-kira tiga hingga lima tahun," katanya.

INFO

Agenzi guna SSMI

- Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
- Jabatan Perkhidmatan Awam
- Jabatan Perdana Menteri
- Kementerian Sains dan Inovasi
- Lembaga Peperiksaan Malaysia
- Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran